

**Company Name** : Pharmaniaga Berhad  
**Date** : 24 August  
**Source** : Berita Harian

# Pharmaniaga bersedia botolkan vaksin COVID-19

Syarikat buat perubahan perlu di kilang sedia ada

Pharmaniaga Bhd bersedia untuk membuat perubahan yang diperlukan kepada kilang sedia ada yang akan membolehkan mereka menjalankan proses pembangunan pembotolan untuk vaksin COVID-19 apabila ia dibangunkan.

Pemangku Pengarah Urusannya, Mohamed Iqbal Abdul Rahman, berkata kumpulan membentangkan kepada Majlis Sains Negara mengenai pelan, kapasiti dan keupayaannya untuk tujuan berkenaan.

"Ini adalah sebahagian daripada pelan jangka pendek kumpulan untuk menangani keperluan mendesak kepada vaksin COVID-19," katanya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin, sebelum ini berkata, kerajaan bersetuju bahawa kemudahan yang dimiliki oleh Duopharma Biotech Bhd dan Pharmaniaga akan digunakan untuk pembotolan vaksin.

Khairy dilaporkan menjelaskan bahawa kedua-dua syarikat itu dipilih berikutan kedua-duanya berkaitan kerajaan.

Duopharma dimiliki oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB) dan Pharmaniaga dimiliki oleh Boustead Holdings Bhd, yang pada masa ini mempunyai kapasiti yang tidak digunakan yang dapat diarahkan untuk tujuan ini.

Mengenai perancangan kumpulan pada masa depan pula, Mohamed Iqbal berkata Pharmaniaga, syarikat farmaseutikal terbesar di Malaysia, dijangka



**Ini adalah sebahagian daripada pelan jangka pendek kumpulan untuk menangani keperluan mendesak kepada vaksin COVID-19.**

**Mohamed Iqbal Abdul Rahman,**  
Pemangku Pengarah Urusan  
Pharmaniaga Bhd

mewujudkan kemudahan vaksin halal pertama di dunia, disasarkan siap pada 2022.

"Pada 2018, Pharmaniaga mengumumkan pelan untuk mendirikan kilang vaksin. Sejak itu, kami selesai menjalankan kajian terperinci yang diperlukan dan menjalin kerjasama dengan pengeluar vaksin antarabangsa," katanya.

Selain itu, Pharmaniaga mempunyai pelan jangka panjang untuk pertumbuhan mampan dan menetapkan enam teras strategik untuk memacu syarikat ke peringkat lebih tinggi.

Sebagai syarikat berkaitan kerajaan, Pharmaniaga komited untuk terus memberikan standard perkhidmatan tertinggi untuk membolehkan Kementerian Kesihatan memberi tumpuan ke-



Pharmaniaga bersedia membuat perubahan yang diperlukan kepada kilang sedia ada bagi membekalkan vaksin COVID-19. (Foto hiasan)

pada penyampaian penjagaan kesihatan, dengan Pharmaniaga sebagai rakan logistik pilihannya.

"Walaupun mendapat kontrak logistik dan pengedaran sehingga November 2024, kami berharap dengan rekod prestasi, infrastruktur yang siap, teknologi maklumat bersepadu dan yang paling penting, modal insan yang berpengalaman, akan menempatkan kami dengan baik untuk mendapatkan potensi lanjutan selepas tempoh ini," katanya.

Mohammed Iqbal berkata, Pharmaniaga turut meraih manfaat daripada usaha pendigitalan kumpulan yang dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu, memastikan gangguan yang minimum ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Beliau berkata, Pharmaniaga akan turut mengembangkan portfolio produknya dengan produk baharu dihasilkan secara dalaman, selain mengukuhkan

segmen agensi dan pengedarannya serta memperluaskan kemudahan pusat seहतinya.

"Dengan lebih 300 pakatan dan lebih 6,000 hospital swasta, pengamal am dan kedai farmasi, Pharmaniaga mempunyai asas yang amat kukuh untuk membina dan mengukuhkan lagi kesetiaan pelanggan," katanya.

Dalam usaha mengukuhkan modal insan, kumpulan itu akan terus melengkapkan pekerjaannya dengan latihan dan sokongan yang diperlukan untuk mematuhi semua keperluan peraturan dan undang-undang.

Bagi tempoh kewangan enam bulan berakhir 30 Jun 2020, Pharmaniaga mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM32.38 juta berbanding RM28.89 juta dari segi tahun ke tahun, manakala pendapatan melonjak kepada RM1.47 bilion daripada RM1.39 bilion dicatatkan dalam tempoh sama pada 2019. BERNAMA